

20/04/1998

Equiventures labur RM600j bina loji rawatan

Nadzim Ahmad Jamlludin

EQUIVENTURES Sdn Bhd (Equiventures), syarikat Bumiputera yang terbabit dalam kegiatan rawatan air di Johor, melabur lebih RM600 juta untuk menyediakan kemudahan dan infrastruktur bagi dua pusat rawatan air di Johor, iaitu Loji Rawatan Air Sungai Johor di Kota Tinggi dan Loji Sungai Layang.

Syarikat itu yang menjadi syarikat pertama di negara ini dianugerahkan MS ISO 9002, juga menyatakan komitmen akan melabur kira-kira RM200 juta lagi bagi projek itu sehingga 2001.

Perasmian salah satu daripada loji itu, iaitu Loji Rawatan Air Sungai Johor dilakukan di Johor Bahru kelmarin oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kedua-dua loji itu dikatakan menggunakan teknologi membren pertama di Asia dan terbesar di dunia.

Penggunaan teknologi pemprosesan pembersihan dan rawatan air terkini dari Perancis itu adalah berasaskan saiz dan keupayaan pengeluaran loji di Sungai Johor dan Sungai Layang.

Loji Rawatan Air Sungai Johor dan Sungai Layang yang membekalkan 370 juta liter air setiap hari untuk bandar raya Johor Bahru dan kawasan sekitarnya memenuhi 80 peratus permintaan harian daerah berkenaan.

Equiventures adalah sebuah syarikat kerjasama di antara Kembangan Dinamik (M) Sdn Bhd yang memiliki 49 peratus kepentingan dalam Equiventures; Pilecon Engineering Bhd (25.5 peratus) dan sebuah syarikat berpangkalan di Perancis, Suez Lyonnaise des Eaux yang memiliki 25.5 peratus.

Equiventures dianugerahkan konsesi 20 tahun pada Jun 1992 untuk membekalkan air bagi daerah Johor Bahru yang kini mempunyai kepadatan penduduk seramai lebih sejuta pengguna.

Terdahulu sebelum perasmian Loji Rawatan Air Sungai Johor, Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) untuk tujuan pembangunan dan penyelidikan antara syarikat terbabit, rakan teknikal syarikat berkenaan (Suez Lyonnaise des Eaux) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

(END)